

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(20)
Tarikh : 26 April 2024

KENYATAAN MEDIA

HARTASUMA SDN BHD DAN DOPPELMAYR SEILBAHNEN GMBH MENANDATANGANI KONTRAK UNTUK PROJEK KERETA KABEL BUKIT BENDERA

Majlis pecah tanah Projek Kereta Kabel Bukit Bendera dijangka akan diadakan pada Jun 2024 dan akan meningkatkan pengalaman pelancong di rantau ini, berikutan pemeteraian kontrak hari ini.

Hartasuma Sdn Bhd, perintis tempatan yang terkemuka dalam industri rel tempatan dengan pengalaman hampir 30 tahun, secara rasmi memeterai kontrak dengan **Doppelmayr Seilbahnen GmbH**, rakan kongsi teknologi terkenal dan peneraju pasaran global dalam bidang kejuruteraan *ropeway* bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera. Kumpulan Doppelmayr/ Garaventa juga merupakan pengeluar sistem funikular Bukit Bendera.

Majlis menandatangani perjanjian itu berlangsung di ibu pejabat Doppelmayr di Wolfurt, Austria, pada **25 April 2024**, dan ditandatangani oleh Encik Michael Doppelmayr, Pengerusi Lembaga Pengarah Doppelmayr Holding SE, dan Tan Sri Ravindran Menon, Pengarah Eksekutif Kumpulan Hartasuma Sdn. Bhd.

Ia disaksikan oleh anggota utama delegasi Pulau Pinang, termasuk YB Zairil Khir Johari, EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri Pulau Pinang; YB Wong Hon Wai, EXCO Pelancongan & Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang; dan deligasi lain. Para deligasi juga membuat lawatan teknikal ke Doppelmayr, Garaventa, dan pembekal komponen utama untuk sistem kereta kabel.

Projek kereta kabel telah berjaya dianugerahkan kepada Hartasuma melalui Perkongsian Awam-Swasta (PPP) berdasarkan Reka Bentuk, Pembiayaan, Bina, Kendalian dan Pemindahan seperti yang diumumkan

semasa sidang media pada 14 Disember 2022, dengan Doppelmayr menyediakan sistem kereta kabel .

Dengan lebih 15,400 pemasangan *ropeway* di seluruh dunia, Kumpulan Doppelmayr telah membina lebih daripada 86 pemasangan kereta kabel yang terletak di tapak Warisan UNESCO, Geopark, dan Biosfera serta Taman Negara pelbagai negara di seluruh dunia. Sistem kereta kabel Doppelmayr diiktiraf secara meluas untuk kebolehpercayaan, keselamatan dan teknologi yang canggih.

Dengan penglibatan Hartasuma dan Doppelmayr, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) yakin perkhidmatan kereta kabel di Bukit Bendera akan memenuhi piawaian antarabangsa. Projek yang dinanti-nantikan ini bukan sahaja akan meningkatkan produk pelancongan di Pulau Pinang tetapi juga mewujudkan ratusan peluang pekerjaan dan sekali gus meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan itu.

“Majlis pecah tanah dijangka bermula pada Jun 2024. Kerajaan Negeri Pulau Pinang gembira dengan hasil yang dicapai dan menantikan majlis pecah tanah tidak lama lagi. Projek ini bukan sahaja akan mewujudkan satu lagi tarikan pelancong ikonik dan merangsang lebih banyak aktiviti ekonomi tetapi juga menyelesaikan banyak cabaran yang dihadapi oleh sistem funikular dan kawasan Taman Botani Pulau Pinang,” kata YB Zairil Khir Johari, EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu Projek Kereta Kabel.

Tan Sri Ravindran berkata syarikat itu berkongsi aspirasi yang selari dengan Kerajaan Negeri, untuk mewujudkan destinasi pelancongan yang bermakna dan tersendiri di Pulau Pinang.

“Kami juga komitmen terhadap pemuliharaan persekitaran ekologi Bukit Bendera dan akan menyiapkan projek kereta kabel pada masa yang ditetapkan,” katanya.

Majlis menandatangani perjanjian ini merupakan peristiwa penting bagi Pulau Pinang, menandakan kereta kabel pertama dalam rizab biosfera di Malaysia. Projek Kereta Kabel Bukit Bendera, sebuah usaha yang

sangat dinanti-nantikan, akan meningkatkan ketersambungan dan kebolehcapaian ke salah satu destinasi pelancongan paling ikonik dan bersejarah di Malaysia - mercu tanda yang mesti dikunjungi oleh pelancong di Pulau Pinang.

Projek ini juga menawarkan peluang untuk meningkatkan dan mengindahkan kawasan sekitar Taman Botani Pulau Pinang. Usaha pengindahan ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada penduduk setempat dan pengunjung dengan mewujudkan persekitaran yang dipertingkatkan melibatkan landskap, infrastruktur dan ruang hijau bagi tujuan aktiviti rekreasi.

Dengan gabungan kepakaran dan komitmen Hartasuma, Doppelmayr, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBBPP, Projek Kereta Kabel Bukit Bendera akan memudahkan akses ke rizab biosfera, yang berpotensi menarik pengunjung dan berfungsi sebagai titik permulaan untuk penerokaan atau aktiviti dalam rizab itu.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 304
wlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 209
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 303
vivienloo@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 344
sylee@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 355
ltan@penanghill.gov.my